



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

## Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 52  
No. 26

17hb Disember 2009

TAMBAHAN No. 13  
PERUNDANGAN

---

K. P.U. 14.

### AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN PENJAJA DAN GERAI  
(MAJLIS PERBANDARAN KULIM) 2009

---

#### SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

---

##### Undang-undang Kecil

1. Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Dilarang menjaja atau mengendalikan gerai tanpa lesen
4. Permohonan bagi lesen penjaja
5. Permohonan bagi lesen gerai
6. Surat kebenaran dari tuan punya tanah
7. Lesen tidak boleh dikeluarkan kepada orang di bawah umur 18 tahun
8. Kandungan lesen

Undang-undang Kecil

9. Sahnya lesen
10. Pembaharuan lesen
11. Lesen tidak boleh diserahkan atau dipajak
12. Lesen hendaklah berkenaan dengan tapak tertentu
13. Pembatalan lesen
14. Mempamerkan lesen
15. Penyerahan balik lesen
16. Lesen gantian
17. Saiz gerai
18. Tambahan atau ubahan dilarang
19. Pemegang lesen tidak hadir
20. Pemberhentian operasi hendaklah dilaporkan
21. Larangan
22. Pemindahan gerai
23. Penjaja beredara
24. Penjaja beredara yang menggunakan van
25. Kenderaan
26. Perubahan makanan, minuman atau barang yang ditetapkan dalam lesen
27. Makanan hendaklah ditutup
28. Air paip minuman, memasak atau membasuh
29. Pemeriksaan doktor
30. Pemakaian kayu api adalah dilarang
31. Kebersihan diri
32. Pengecatan gerai

---

Undang-undang Kecil

33. Pemakaian tanda nama
34. Persediaan tong-tong sampah
35. Pembuangan sampah busuk atau sampah pepejal yang basah, dan lain-lain
36. Penyenggaraan gerai
37. Rampasan dan penyitaan
38. Tuntutan ke atas gerai yang disita
39. Tiada tanggungan atas pegawai
40. Penalti
41. Kompaun
42. Pemansuhan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

**UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN PENJAJA DAN GERAI  
(MAJLIS PERBANDARAN KULIM) 2009**

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 73 dan 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Perbandaran Kulim membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan Undang-undang Kecil berikut:

**Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja dan Gerai (Majlis Perbandaran Kulim) 2009**.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

(3) Undang-undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Kulim.

**Tafsiran**

2. Dalam Undang-undang Kecil ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“barang” termasuklah apa-apa perkhidmatan yang diberi untuk keuntungan;

“gerai” termasuklah mana-mana gerai sementara, gerai berkunci, gerai tepi jalan, meja, stor, bangku, bangku panjang, bakul, kerusi, kenderaan atau apa-apa perkakas lain yang berkaitan dengannya sama ada mudah alih atau tidak mudah alih dan sama ada beroda atau tidak beroda, yang di atasnya atau di dalamnya makanan, minuman atau barang-barang dijual atau didedahkan untuk jualan di mana-mana tempat persendirian atau tempat awam;

“kenderaan” ertiannya apa-apa kenderaan yang digerakkan dengan jentera atau selainnya dan termasuklah basikal dan trisikal bagi maksud menjaja;

“lesen” ertiannya lesen penjaja atau lesen gerai yang diberikan di bawah Undang-undang Kecil ini;

“lesen gerai” ertiannya lesen gerai yang diberikan di bawah Undang-undang Kecil 5;

“lesen penjaja” ertiannya lesen penjaja yang diberikan di bawah Undang-undang Kecil 4;

“Pegawai Yang Diberi Kuasa” ertiannya mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua;

“pemegang lesen” ertiannya seseorang penjaja beredar, penjaja sementara atau penjaja statik yang dilesenkan di bawah Undang-undang Kecil ini;

"Penjaja" termasuklah penjaja beredar, statik atau sementara;

"penjaja beredar" ertinya mana-mana orang yang dengan atau tanpa kenderaan pergi dari setempat ke setempat untuk mendedahkan, mengedarkan atau menyerahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang;

"penjaja sementara" ertinya mana-mana orang yang kadangkala mendirikan gerai dan menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang di petak yang ditetapkan bagi maksud itu oleh Yang Dipertua bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Yang Dipertua;

"penjaja statik" ertinya mana-mana orang mendirikan gerai di mana-mana tempat awam atau premis persendirian dan menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang;

"petak" ertinya mana-mana lapangan yang ditandakan oleh Yang Dipertua di mana makanan, minuman atau barang boleh dijual atau didedahkan untuk jualan;

"Setiausaha" ertinya Setiausaha Majlis Perbandaran Kulim;

"tempat awam" ertinya mana-mana lapangan terbuka, tempat letak kereta, kebun bunga, taman rekreasi dan bersuka-suka atau medan, sama ada terkepung atau tidak, yang dikhas atau diuntukkan bagi kegunaan orang ramai atau terbuka kepada orang ramai pada bila-bila masa;

"Yang Dipertua" ertinya Yang DiPertua Majlis Perbandaran Kulim dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

#### **Dilarang menjaja atau mengendalikan gerai tanpa lesen**

3. (1) Tiada seorang pun boleh bertindak sebagai seorang penjaja melainkan jika dia seorang pemegang lesen penjaja yang diberikan oleh Yang Dipertua di bawah Undang-undang Kecil ini.

(2) Tiada seorang pun boleh mengendalikan mana-mana gerai melainkan jika dia seorang pemegang lesen gerai yang diberikan di bawah Undang-undang Kecil ini.

#### **Permohonan bagi lesen penjaja**

4. (1) Sesuatu permohonan bagi mendapatkan lesen penjaja hendaklah dibuat secara bertulis kepada Yang Dipertua dalam apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang Dipertua.

(2) Sesuatu permohonan bagi mendapatkan lesen penjaja hendaklah disertakan bersama dengan dua keping gambar terbaru berukuran pasport pemohon.

(3) Apabila menerima sesuatu permohonan ini Yang Dipertua boleh, menurut budi bicaranya, memberikan, apabila dibayar fi yang ditetapkan dalam Jadual Pertama sesuatu lesen penjaja.

(4) Lesen tersebut hendaklah dalam apa-apa cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang Dipertua.

**Permohonan bagi lesen gerai**

5. (1) Sesuatu permohonan bagi mendapatkan lesen gerai hendaklah dibuat secara bertulis kepada Yang Dipertua dalam apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditetapkan olehnya.

(2) Apabila menerima permohonan itu, Yang Dipertua boleh, menurut budi bicaranya memberikan lesen gerai.

**Surat kebenaran dari tuan punya tanah**

6. Sesuatu permohonan bagi sesuatu lesen untuk bertindak sebagai penjaja atau mengendalikan suatu gerai di mana-mana tanah persendirian hendaklah disertakan bersama surat kebenaran daripada tuan punya tanah. Dan bagi mana-mana tanah Kerajaan, kebenaran secara bertulis hendaklah diperolehi terlebih dahulu daripada pihak-pihak yang berkenaan.

**Lesen tidak boleh dikeluarkan kepada orang di bawah umur 18 tahun**

7. Tiada lesen boleh diberikan kepada mana-mana orang yang berumur kurang daripada (18) lapan belas tahun.

**Kandungan lesen**

8. (1) Hendaklah dimasukkan dalam sesuatu lesen penjaja butir-butir yang berikut:

- (a) nama, alamat terkini dan nombor kad pengenalan pemegang lesen;
- (b) gambar terbaru berukuran pasport pemegang lesen;
- (c) tempoh sahnya lesen itu;
- (d) jenis lesen;
- (e) jenis makanan, minuman atau barang-barang untuk jualan;
- (f) nama, alamat, nombor kad pengenalan dan gambar terbaru berukuran pasport pembantu yang diambil kerja oleh pemegang lesen, jika ada waktu perniagaan; dan
- (g) terma, syarat dan sekatan yang difikirkan perlu oleh Yang Dipertua.

(2) Hendaklah dimasukkan dalam sesuatu lesen gerai butir-butir yang berikut:

- (a) nama, alamat terkini dan nombor kepada pengenalan pemegang lesen;
- (b) nama, alamat, nombor kad pengenalan dan gambar terbaru berukuran pasport pembantu yang diambil kerja oleh pemegang lesen;
- (c) tempoh sahnya lesen;
- (d) jenis makanan, minuman atau barang-barang untuk jualan;
- (e) tapak jualan; dan
- (f) terma, syarat dan sekatan yang difikirkan perlu oleh Yang Dipertua.

#### Sahnya lesen

9. (1) Sesuatu lesen jika tidak digantung atau dibatalkan terlebih awal oleh Yang Dipertua hendaklah terus berkuat kuasa dari sesuatu tempoh yang tidak kurang dari dua belas bulan dari tarikh kuat kuasa dan hendaklah diperbaharui pada atau sebelum tarikh tamat tempoh lesen itu.

(2) Walauapapun di dalam Undang-undang Kecil ini, Yang Dipertua boleh mengeluarkan lesen yang sah berkuatkuasa selama tempoh tidak lebih dari tiga puluh enam bulan dari tarikh kuat kuasa lesen berkenaan.

Dengan syarat bahawa fi yang kena dibayar hendaklah dikenakan atas setahun ke setahun.

#### Pembaharuan lesen

10. (1) Sesuatu lesen yang diberikan di bawah Undang-undang Kecil ini boleh diperbaharui apabila tamat tempohnya dan ianya dikeluarkan dalam bentuk atau cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang Dipertua.

(2) Sesuatu lesen jika tidak digantung atau dibatalkan terlebih dahulu hendaklah terus berkuat kuasa dari tarikh pembayaran fi lesen tersebut.

(3) Apabila sesuatu lesen diperbaharui, Yang Dipertua boleh mengenakan syarat-syarat baru.

#### Lesen tidak boleh diserahkan atau dipajak

11. Tiada pemegang lesen boleh menyerahkan, memajak, mempakkam atau mensubpakkan leseninya.

#### Lesen hendaklah berkenaan dengan tempat tertentu

12. Sesuatu lesen gerai hendaklah berkenaan dengan tapak yang ditentukan.

**Pembatalan lesen**

13. Yang Dipertua boleh tanpa memberi apa-apa sebab, pada bila-bila masa, membatalkan mana-mana lesen jika pemegang gagal memenuhi mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini atau syarat-syarat atau sekatan-sekatan lesen itu.

**Mempamerkan lesen**

14. Seseorang pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mempamerkan lesen-lesennya di bahagian yang mudah dilihat di premisnya, kenderaan atau gerai dan mengeluarkan lesen itu apabila diminta oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua.

**Penyerahan balik lesen**

15. Seseorang pemegang lesen hendaklah menyerahkan balik lesennya kepada Yang Dipertua apabila lesen itu telah tamat tempoh, digantung atau dibatalkan.

**Lesen gantian**

16. (1) Jika Yang Dipertua berpuas hati bahawa apa-apa lesen yang diberikan telah hilang, cacat atau rosak, Yang Dipertua boleh mengeluarkan suatu lesen gantian untuk menggantikan lesen itu apabila dibayar fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

Dengan syarat bahawa sesuatu lesen gantian tidak boleh dikeluarkan berkenaan dengan lesen yang telah cacat atau rosak melainkan jika lesen itu diserahkan balik kepada Yang Dipertua untuk pembatalan.

- (2) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh mengambil semula lesen yang telah dibatalkan sekiranya pemegang lesen gagal menyerahkannya kembali.

**Saiz gerai**

17. Tiada gerai selain daripada kenderaan atau gerai yang dibina oleh Yang Dipertua boleh melebihi 6.6 meter panjang dan 3.3 meter lebar melainkan dikecualikan secara bertulis oleh Yang Dipertua.

**Tambahan atau ubahan dilarang**

18. (1) Tiada tambahan atau ubahan boleh dibina di atas mana-mana gerai.

- (2) Yang Dipertua boleh pada bila-bila masa dengan atau tanpa notis meroboh tambahan atau ubahan yang telah dibina secara baram dan boleh mendapatkan kembali perbelanjaan yang ditanggung untuk kerja-kerja itu daripada pemegang lesen.

### Pemegang lesen tidak hadir

19. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah pada setiap masa hadir dan menjalankan atau mengawasi perniagaannya di gerai atau petaknya.

(2) Tertakluk kepada perenggan (3), Yang Dipertua boleh mengecualikan seseorang pemegang lesen daripada perenggan (1) jika berpuas hati dengan alasan yang diberikannya dan membenarkan mana-mana orang untuk mengendalikan perniagaan itu bagi pihaknya semasa tempoh ketiadaannya atau membenarkan gerai itu ditutup.

(3) Jika pemegang lesen tidak dapat menguruskan perniagaan di gerainya selama tempoh tiga puluh hari atau lebih, dia hendaklah melantik seorang nomini mengambil tempatnya dengan mendapat kelulusan secara bertulis daripada Yang Dipertua.

(4) Sesuatu permohonan bagi kelulusan itu hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah menyatakan nama, alamat terbaru dan nombor kad pengenalan orang yang hendak dinamakan itu dan hendaklah disertakan bersama sekeping gambar terbaru pasport orang itu.

(5) Yang Dipertua tidak boleh memberi apa-apa kelulusan di bawah perenggan (3) bagi apa-apa tempoh lebih daripada tiga bulan kecuali dalam keadaan-keadaan yang difikirkan patut oleh Yang Dipertua.

(6) Jika mana-mana orang dilantik di bawah perenggan (2) atau (3) kewajipan dan tanggungjawab yang dikenakan ke atas pemegang lesen di bawah Undang-undang Kecil ini hendaklah ditanggung oleh orang itu yang boleh didakwa atau apa-apa pelanggaran Undang-undang Kecil ini atau syarat-syarat dan sekatan-sekatan lesen seolah-olah dia adalah pemegang lesen.

(7) Fi yang kena dibayar berkenaan dengan perlantikan seorang nomini hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

### Pemberhentian operasi hendaklah dilaporkan

20. Mana-mana pemegang lesen hendaklah melaporkan dan memberitahu Majlis secara bertulis jika ingin memberhenti atau menamatkan aktiviti penjajaannya yang telah dilesenkan di bawah Undang-undang Kecil ini.

### Larangan

21. (1) Tiada seorang pun penjaja boleh menjalankan perniagaannya—

(a) dalam lingkungan 9 meter dari sesuatu simpang jalan;

(b) dalam lingkungan 3.6 meter dari sesuatu pili bomba; atau

(c) di atas tangga, kaki lima atau laluan jalan kaki awam melainkan jika dibenarkan oleh Yang Dipertua.

(d) di mana-mana bahagian daripada tempat awam yang melainkan dibenarkan oleh Yang Dipertua atau kawasan bangunan pejabat Kerajaan melainkan dibenarkan secara bertulis oleh Ketua Jabatan Kerajaan berkenaan.

- (2) Tiada seorang pun penjaja boleh menjalankan perniagaannya dengan cara yang boleh menghalang atau mengganggu kelancaran arus lalu lintas kenderaan dan pergerakan bebas pejalan-pejalan kaki.
- (3) Tiada seorang pun penjaja boleh menggunakan pelauung, pembesar suara, mikrofon atau apa-apa alat lain untuk mempertingkatkan bunyi pada masa menjalankan perniagaan melainkan jika dikecualikan oleh Yang Dipertua.

#### Pemindahan gerai

22. Seseorang penjaja sementara hendaklah memindahkan dari petak atau tapaknya, gerai atau lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya pada waktu perniagaan ditutup tiap-tiap hari atau malam, mengikut mana yang berkenaan.

#### Penjaja beredara

23. (1) Seorang penjaja beredara tidak boleh menjalankan perniagaan di mana-mana tempat kecuali dalam suatu kawasan yang ditetapkan bagi penjaja beredara oleh Yang Dipertua.

(2) Seorang penjaja beredara tidak boleh tinggal tetap di suatu tempat kecuali pada waktu dia sedang menjual makanan, minuman atau barang kepada pelanggan-pelanggan dan pada waktu tidak menjual dia hendaklah sentiasa bergerak.

#### Penjaja beredara yang menggunakan van

24. (1) Seseorang penjaja beredara yang menggunakan van hanya boleh menjalankan perniagaan di petak yang dibenarkan pada masa perniagaan yang ditentukan dalam lesen dan hendaklah memindahkan vannya dari petak itu pada waktu perniagaannya ditutup.

(2) Tiada seorang pun penjaja beredara yang menggunakan van boleh meletakkan atau mendedahkan untuk jualan makanan, minuman, barang atau benda yang digunakan atau berhubung dengan perniagaannya di luar van.

#### Kenderaan

25. Jika seseorang pemegang lesen menggunakan kenderaan bagi maksud menjaja, ukuran atau bentuk kenderaan itu hendaklah mengikut sebagaimana yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang lain.

#### Perubahan makanan, minuman atau barang yang ditetapkan dalam lesen

26. Tiada seorang pun pemegang lesen boleh menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa jenis makanan, minuman atau barang selain daripada makanan, minuman atau barang yang telah ditetapkan dalam lesen.

### Makanan hendaklah ditutup

27. Seseorang penjaja hendaklah menyimpan semua benda makanan atau minuman di dalam bekas gelas atau apa-apa penutup lain supaya makanan atau minuman itu tidak disentuh atau dicemari oleh habuk, kotoran, asap, lalat atau serangga dan makanan atau minuman itu hendaklah dalam keadaan yang bersih.

### Air paip minuman, memasak atau membasuh

28. Tiada seorang pun pemegang lesen boleh membekalkan untuk diminum atau digunakan untuk memasak atau membasuh atau apa-apa maksud lain berkaitan dengan perdagangannya apa-apa air selain daripada air daripada bekalan air awam.

### Pemeriksaan doktor

29. Mana-mana orang menjaja hendaklah dikenakan pemeriksaan doktor mengikut sebagaimana yang diarahkan oleh Yang Dipertua.

### Pemakaian kayu api adalah dilarang

30. Pemakaian kayu api untuk memasak adalah dilarang.

### Kebersihan diri

31. Mana-mana orang yang menjual makanan atau minuman hendaklah menjaga diri dan pakaianya supaya berada dalam keadaan bersih dan hendaklah memakai apron, penutup kepala dan lain-lain barang sebagaimana diarahkan oleh Yang Dipertua.

### Pengecatan gerai

32. Seseorang pemegang lesen hendaklah mengecat gerainya pada bila-bila masa sebagaimana yang diarahkan oleh Yang Dipertua.

### Pemakaian tanda nama

33. Mana-mana orang yang menjaja hendaklah pada setiap masa dalam perjalanan perniagaannya memakai tanda nama masing-masing mengikut saiz dan warna yang ditetapkan oleh Yang Dipertua dan hendaklah memastikan yang tanda nama itu dapat dilihat dengan terang.

### Persediaan tong-tong sampah

34. Seseorang pemegang lesen hendaklah menyediakan tong-tong atau bekas-bekas sampah yang cukup daripada apa-apa jenis dan ukuran sebagaimana yang diluluskan oleh Yang Dipertua untuk mengisi sampah dan semua tong-tong atau bekas-bekas sampah hendaklah dilapis dengan beg plastik atau lain-lain jenis beg yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

**Pembuangan sampah busuk atau sampah pepejal yang basah**

35. Semua sampah busuk atau sampah pepejal basah atau apa-apa sampah lain hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik atau lain-lain jenis beg yang ditetapkan oleh Yang Dipertua sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah dan hendaklah dibuang oleh pemegang lesen itu mengikut cara, sebagaimana yang diarahkan oleh Yang Dipertua.

**Penyenggaraan gerai**

36. (1) Pemegang lesen mana-mana gerai hendaklah menyenggara atau menyebabkan disenggarakan tiap-tiap bahagian gerai, pasangan atau lekapan supaya berada dalam keadaan bersih dan dalam keadaan baik pada setiap masa.

(2) Pemegang lesen mana-mana gerai tidak boleh—

- (a) letak atau menyebab atau membenarkan ditempatkan atau membuang apa-apa habuk, debu, kertas, abu, bangkai, sampah, kotak, tong, karung atau lain-lain barang ke dalam sesuatu longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah gerainya;
- (b) simpan atau tinggal apa-apa juu benda atau barang di sesuatu tempat di mana ianya atau zarah daripada telah masuk atau mungkin masuk ke dalam suatu longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah gerainya;
- (c) jemur apa-apa benda makanan atau lain-lain benda atau barang di mana-mana longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan yang di hadapan, di belakang atau di sebelah gerainya;
- (d) buang, letak, tumpah atau tabur apa-apa darah, air masin, cecair kotor atau lain-lain benda yang mengganggu atau kotor dari sesuatu jenis dialirkan atau masuk ke dalam longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah gerainya;
- (e) jatuh, tumpah atau tabur apa-apa debu, pasir, tanah, kelikir, batu, rumput, rumput kering, abu, sampah tred, sampah atau apa-apa barang lain atau benda ke dalam longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah gerainya;
- (f) ayak, kirai, cuci, pukul atau dengan cara lain mengacau apa-apa kapur, abu, pasir, arang batu, rumput, kertas buangan, bulu atau lain-lain benda dengan sesuatu cara supaya ia diterbangkan atau mungkin diterbangkan oleh angin ke dalam longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah gerainya; atau
- (g) buang atau tinggal apa-apa botol, gelas, tin, bekas makanan, pembungkus makanan, zarah makanan atau apa-apa benda atau barang lain ke dalam longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah gerainya.

### Rampasan dan penyitaan

37. (1) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua boleh menyita, meroboh dan memindahkan mana-mana gerai yang tidak berlesen dan apa-apa alat yang menyertainya kepunyaan mana-mana orang dan menahan gerai dan alat yang menyertainya itu di mana-mana tempat bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Yang Dipertua atas risiko pemunyanya.

(2) Walau apa pun peruntukan dalam perenggan (1) undang-undang kecil ini, mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua hendaklah tidak menyita apa-apa barang mudah rosak kecuali dengan notis mengarahkan tuan punya memindahkan barang-barang berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis dan jika ia gagal berbuat demikian.

(3) Apa-apa barang mudah rosak yang dirampas selepas notis diserahkan di bawah perenggan (2) Undang-undang Kecil ini, boleh dilupuskan mengikut mana-mana cara yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

(4) Mana-mana barang yang dicadang atau didedahkan untuk jualan, bersama-sama dengan bekasnya dan mana-mana alat yang menyertainya dan juga kenderaan kepunyaan orang yang tidak berlesen untuk bertindak sebagai penjaja di bawah Undang-undang Kecil ini, atau mana-mana penjaja di mana-mana jalan atau sebahagian darinya atau tempat-tempat yang ditetapkan oleh Yang Dipertua boleh dirampas dan disita oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua dan dipindahkan ke mana-mana tempat yang ditentukan oleh Yang Dipertua dan ditahan di situ atas risiko pemunyanya.

### Tuntutan ke atas gerai yang disita

38. Mana-mana orang yang mempunyai apa-apa tuntutan ke atas mana-mana gerai dan alat-alat yang menyertainya itu yang telah disita, dipindah dan ditahan di bawah Undang-undang Kecil 37 boleh menuntut gerai dan alat-alat menyertainya itu daripada Yang Dipertua dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh gerai dan alat-alat yang menyertainya itu disita tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Yang Dipertua dan tertakluk kepada pembayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua:

Dengan syarat bahawa jika sekiranya tiada apa-apa tuntutan dibuat ke atas gerai dan alat-alat yang menyertainya itu dalam tempoh itu, Yang Dipertua boleh melupuskan gerai dan alat-alat yang menyertainya itu mengikut cara yang difikirkannya patut oleh Yang Dipertua.

### Tiada tanggungan atas pegawai

39. Tiada apa-apa tanggungan boleh dikenakan ke atas Majlis atau mana-mana pegawai kerana apa-apa kerugian atau kerosakan yang berbangkit dari perjalanan kuasa-kuasa yang sah di bawah Undang-undang Kecil ini dan pegawai itu tidak boleh dikenakan apa-apa jua tindakan, dakwaan, tanggungan atau tuntutan apa jua pun yang berbangkit dari perjalanan kuasa-kuasa tersebut yang sah.

**Penalti**

40. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana daripada peruntukan-peruntukan Undang-undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali dan dikenakan denda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

**Kompaun**

41. Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua boleh mengikut budi bicaranya mengkompaun apa jua kesalahan terhadap Undang-undang Kecil ini dengan mengutip daripada orang yang melakukan kesalahan sejumlah wang yang tidak melebihi daripada lima ratus ringgit.

**Pemansuhan**

42. Bilangan 3 Jadual Pertama di dalam Undang-undang Kecil Penjaja (Pihak-pihak Berkuasa Tempatan) Negeri Kedah 1983 adalah dengan ini dimansuhkan.

**JADUAL PERTAMA**

[Undang-Undang Kecil 4]

**FI LESEN PENJAJA**

	Fi yang kena dibayar setahun
1. Penjaja beredar	Tidak melebihi RM300.00
2. Penjaja statik	Tidak melebihi RM300.00
3. Penjaja sementara—	
(a) sebulan bagi satu petak	Tidak melebihi RM90.00
(b) sehari atau semalam bagi satu petak	Tidak melebihi RM3.00

**JADUAL KEDUA**

[Undang-Undang Kecil 16 dan 19]

	Fi yang kena dibayar
Penggantian lesen	RM30.00
Perlantikan nomini	RM10.00

## JADUAL KETIGA

[Undang-Undang Kecil 38]

- |    |   |                         |
|----|---|-------------------------|
| 1. | Memindahkan sesebuah gerai atau barang-barang       | RM10.00 hingga RM500.00 |
| 2. | Bayaran menyimpan sesebuah gerai atau barang-barang | RM10.00 hingga RM500.00 |

Dibuat pada 12 April 2009

[MPKK.BUU.008002/SP UUKPBTNK/132]

*Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Kulim*

Bertarikh 7 Oktober 2009  
[PSU(K) 98/1396 Jld. 8 SK. 21]

*ABD. RASHID BIN HAJI OTHMAN, A.M.K., B.C.K.  
Setiausaha  
Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Kedah*

---

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

LICENSING OF HAWKERS AND STALLS  
(KULIM MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2009

---

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

---

By-Laws

1. Citation, application and commencement
2. Interpretation
3. Prohibition to hawk or to operate a stall without licence
4. Application for hawker's licence
5. Application for a stall licence
6. Letter of consent from owner of land
7. No licence to be issued to person under 18 years
8. Contents of licence
9. Validity of licence
10. Renewel of licence
11. Licence not to be assigned or leased
12. Stall licence to be of specific site
13. Revocation of licence
14. Exhibition of licence
15. Surrender of licence
16. Replacement of licence
17. Size of stall
18. Additions or alteration prohibited
19. Absence of licensee